

18/11/2003

Dr M mula tugas di Yayasan Kepimpinan Perdana

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad yang melepaskan pucuk kepimpinan kerajaan akhir bulan lalu, memulakan hari pertamanya di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, pagi semalam.

Bekas Perdana Menteri yang baru dua hari pulang selepas bercuti kira-kira dua minggu di luar negara, tiba di kompleks yayasan di tepi tasik di Presint 7, jam 8 pagi.

Pegawai di yayasan itu yang membuat persediaan menyambut beliau menjangka Dr Mahathir tiba jam 9 pagi, sebaliknya tiba satu jam awal.

Beliau yang tiba bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali terus ke pejabatnya di tingkat dua bangunan berkenaan dan kemudian menandatangani beberapa surat mengenai yayasan selain menerima beberapa tetamu.

Dr Mahathir yang ditemui wakil media di pejabatnya jam 1.15 tengah hari, berkata yayasan berkenaan bukan ditubuhkan semata-mata untuknya.

"Ini yayasan untuk semua Perdana Menteri bertujuan buat satu rekod tentang semua sumbangan Perdana Menteri lalu, buat kajian dan lain-lain," katanya yang ceria untuk memulakan tugas itu.

Dr Mahathir juga menjelaskan yayasan itu hasil inisiatif sektor swasta yang dipengerusikan Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Dr Mahathir juga berkata, beliau tidak menganggap yayasan itu sebagai tempat kerja baru.

"Saya bukan kerja (sini)...saya datang untuk buat research (penyelidikan)," katanya yang menyatakan rasa syukur kerana diberikan pejabat di yayasan berkenaan.

"Saya nak kena ada pejabat, jadi dapat tempat ini Alhamdulillah dan kerajaan beri kakitangan kepada saya," katanya.

Dr Mahathir yang ditanya kenapa beliau tidak berehat lebih lama selepas menerajui kerajaan selama 22 tahun berkata: "Ini bukan kerja sangat...lepas tu saya nak buat apa duduk di rumah bulan puasa nak makan pun tak boleh," katanya berseloroh.

"Kerja ini untuk diri saya sendiri, bukan untuk kerajaan. Saya tak kerja dengan kerajaan lagi," katanya.

Dr Mahathir yang jelas berada dalam mood yang baik berkata : "Depa nak bagi kat saya, saya ambik, nanti orang kata saya sombong pulak."

Namun Perdana Menteri Keempat itu menjelaskan beliau akan datang ke yayasan itu apabila perlu terutama dalam menyiapkan ucapannya.

Selain pejabat Dr Mahathir, Kompleks Yayasan Kepimpinan Perdana menempatkan perpustakaan untuk menyelidik mendalami penulisan dan ucapan Dr Mahathir sepanjang kerjayanya dalam politik dan kerajaan.

Penubuhan yayasan itu cetusan idea pihak swasta bertujuan mengembangkan pemikiran Dr Mahathir terutama berhubung sosial, politik dan hubungan antarabangsa berdasarkan pengalamannya selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri.